



**KENYATAAN AKHBAR  
TAKLIMAT PEMANDU PELANCONG  
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sabtu, 11hb Mei 2018, 9.00 pagi  
Dewan Setia Pahlawan,  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan taklimat kepada seramai 100 orang pemandu pelancong di Negara ini mengenai garispandu bagi permohonan lesen baru dan membaharui dan kursus serta bengkel bagi pemandu pelancong yang ditawarkan di sepanjang tahun 2019 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir bagi memberikan taklimat-taklimat berkenaan ialah Dayang Noraini Haji Tersad, Ketua Bahagian Pematuhan dan Standard, Dayang Hj Nur Fariza Munyati Hj Abd Aji dan Dayang Nor-Irrafidah Hj Ismail, Pegawai-Pegawai Pelancongan daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan kepada semua pemandu pelancong mengenai dengan garispandu permohonan lesen serta terma dan syarat pemandu pelancong yang telah dikuatkuasakan bermula tahun 2019. Antara perkara yang adalah ditekankan termasuklah setiap permohonan untuk mendapatkan lesen pemandu pelancong hendaklah menjalani latihan kursus asas pemandu pelancong dan lulus peperiksaan kursus asas pemandu pelancong daripada Institusi Pendidikan yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kursus asas pemandu pelancong ini diadakan adalah bertujuan untuk memastikan kualiti dan kompetensi setiap pemandu pelancong selaras mengikut standard yang telah ditetapkan serta menyelaraskan maklumat atau informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong, sebagai pra-syarat bagi permohonan Lesen Pemandu Pelancong yang digariskan di dalam Perintah Pelancongan, 2016. Dibawah seksyen 21, Perintah Pelancongan, 2016, mana-mana individu yang mengendalikan perkhidmatan pemandu pelancong tanpa lesen yang sah boleh dikenakan denda iaitu i) bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000. Sesi taklimat juga turut diselajurkan dengan penerangan ringkas mengenai kursus dan latihan yang akan diadakan di sepanjang tahun 2019 bagi pemandu-pemandu pelancong.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sentiasa meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain bagi memastikan kualiti perkhidmatan pemandu pelancong di Negara ini menepati kehendak Jabatan Kemajuan Pelancongan agar maklumat yang dipelajari adalah maklumat yang tepat. Perkara ini penting bagi menarik minat lebih ramai lagi para pelancong berkunjung ke Negara ini dalam usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan.

**- Tamat -**